



PENCAPAIAN HAFAZAN PELAJAR TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB SEKOLAH MENENGAH: CABARAN DAN PENAMBAHBAIKAN

[MEMORY ACHIEVEMENT OF TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB SECONDARY SCHOOL STUDENTS: CHALLENGES AND IMPROVEMENTS]

ABDUL AZIM ZULKEFLI & MOHD. ISA HAMZAH ^{1*}

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.
Email: p116576@siswa.edu.ukm.my; isa_hamzah@ukm.edu.my

Correspondent Email: isa_hamzah@ukm.edu.my

Received: 9 January 2023

Accepted: 27 January 2023

Published: 19 Februari 2023

Abstrak: Perkembangan pendidikan tahfiz kepada pelajar sekolah menengah telah menyebabkan pihak kerajaan mengusahakan program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan perhatian yang tinggi rentetan tingginya permohonan kemasukan ke sekolah tahfiz. Justeru, pihak kerajaan berusaha menyediakan kurikulum tahfiz yang seimbang di negara ini. KPM berhasrat untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi sejajar dengan Gelombang 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Pada tahun 2014 tiga buah sekolah dipilih oleh KPM untuk melaksanakan program TMUA, sehinggalah pada tahun 2017 KPM telah berjaya melaksanakan program TMUA di setiap negeri di Malaysia. Dalam pelaksanaan TMUA, artikel ini menunjukkan terdapat tiga cabaran yang dihadapi iaitu cabaran dari sudut sistem, guru dan pelajar. Oleh itu, bagi menghadapi cabaran yang ada, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan agar pelaksanaan program TMUA ini berjalan lancar dan mencapai objektif yang digariskan.

Kata kunci: TMUA, KPM, Ulul Albab, tahfiz, cabaran

Abstract: The development of tahfiz education to high school students has led the government to pursue the Tahfiz Model Ulul Albab program (TMUA). The Malaysian Ministry of Education (KPM) has given high attention to the high string of applications for admission to tahfiz schools. At the same time, the government is trying to provide a balanced tahfiz curriculum in the country. KPM aims to provide high quality education in line with Wave 1 of the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013-2025. In 2014, three schools were selected by KPM to implement the TMUA program, until in 2017 KPM had successfully implemented the TMUA program in every state in Malaysia. In the implementation of the TMUA, this article showed that there are three challenges facing the system, teachers and students. Therefore, in order to face the existing challenges, the researcher suggested some improvement proposals to ensure that the implementation of the TMUA program is running smoothly and achieving the outlined objectives.

Keywords: TMUA, KPM, Ulul Albab, tahfiz, challenge

Cite This Article:

Abdul Azim Zulkefli & Mohd. Isa Hamzah. 2024. Pencapaian Hafazan Pelajar Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah: Cabaran dan Penambahbaikan [Memory Achievement of Tahfiz Model Ulul Albab Secondary School Students: Challenges and Improvements]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 4(1), 36-49.

PENGENALAN

Masyarakat hari ini semakin berminat menghantar anak-anak ke bidang tahfiz al-Quran. Permohonan yang tinggi untuk kemasukan ke institusi tahfiz al-Quran di seluruh negara menjadi bukti kesedaran dan keterbukaan ibu bapa terhadap pentingnya pendidikan al-Quran dalam membentuk kejayaan anak-anak. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan perhatian kepada perkembangan institusi dan kurikulum tahfiz di negara ini dalam melahirkan generasi yang seimbang duniawi dan ukhrawi. Usaha daripada pihak kerajaan ini sangat penting dalam memastikan pelajar disiapkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang menepati pasaran kerjaya dalam negara ini. Usaha memperluaskan program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) ini telah dimulakan pada 2013, diikuti oleh pembukaan program ini di tiga buah sekolah.

Bertepatan dengan usaha itu, satu kurikulum baru telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pendidikan negara iaitu Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang memfokuskan bidang tahfiz al-Quran. Hasrat dan usaha ini bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin membentuk masyarakat profesional dalam masa yang sama menghidupkan agama di dalam dirinya (*mutadayyin*) serta menguasai pelbagai bidang ilmu (Habibah 2018). Pelaksanaan KBT ini diharapkan dapat membentuk generasi profesional hafiz yang mempunyai kepimpinan yang tinggi serta dapat membawa perubahan yang baik kepada pendidikan negara. Namun begitu, kecemerlangan dalam pelaksanaan KBT ini bergantung kepada kesungguhan semua pihak, terutamanya pengurus dan pentadbir sekolah. Justeru, pihak pengurus dan pentadbir sekolah perlu menghayati tujuan pelaksanaan KBT dan mengikut panduan yang ditetapkan oleh KPM.

Berikut merupakan Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz 2015:

1. Melahirkan modal insan yang menghafaz dan memahami 30 juzuk al-Quran.
2. Melahirkan modal insan yang boleh menjalin hubungan dengan Allah, sesama manusia dan dengan kejadian alam berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.
3. Melahirkan modal insan yang mahir dalam bidang keagamaan dan profesional berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.
4. Melahirkan modal insan yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah, memaksimumkan keupayaan berfikir serta berfikiran kreatif dan inovatif.

Dalam proses mencapai kejayaan dalam pelaksanaan TMUA, program ini tidak hanya menekankan aspek hafazan sahaja, bahkan juga menekankan ilmu Maharat al-Quran. Subjek Maharat al-Quran memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan ilmu berkaitan kemahiran al-Quran antaranya tilawah al-Quran, tajwid, adab al-Quran, ilmu qiraat, amali qiraat dan *rasm uthmani* (KPM 2016). Tidak cukup dengan itu, pelajar juga akan diperiksa tahap dan kualiti hafalannya secara individu di dalam ujian dan peperiksaan yang dijalankan secara berkala oleh pihak sekolah dan KPM sendiri iaitu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (KPM 2016).

KAJIAN LITERASI

Tahfiz Model Ulul Albab

Program Tahfiz Model Ulul Albab ini adalah hasil integrasi antara Kurikulum Bersepadu Tahfiz, Kurikulum Kebangsaan, dan kokurikulum dengan berasaskan tiga konsep ini, iaitu:

Konsep Quranik

Konsep Quranik merujuk kepada kemampuan menghafaz 30 juzuk ayat suci al-Quran dalam tempoh lima tahun persekolahan di sekolah menengah serta menjadikan al-Quran sebagai satu budaya hidup seharian.

Konsep Ensiklopedik

Konsep ensiklopedik Ensiklopedik pula dilihat kepada kebolehan menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang ilmu dan bahasa.

Konsep Ijtihadik

Konsep ijtihadik pula adalah kemampuan memberi idea, mencipta penyelesaian masalah, menginovasi dengan menggunakan hikmah akal fikiran yang dikurniakan Allah s.w.t sebaik mungkin (Rohaizan et al. 2014).

Objektif Tahfiz Model Ulul Albab

Pelaksanaan TMUA adalah bagi mencapai objektif melahirkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Menghafaz 30 juzuk al-Quran
- ii. Profesional yang menghidupkan keagamaan dalam diri berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah
- iii. Berwibawa, berketerampilan dan berkepimpinan
- iv. Berupaya berfikir aras tinggi, kreatif dan inovatif
- v. Menjaga hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia dan dengan kejadian alam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

Pelaksanaan Subjek Hifz Al-Quran

Hifz al-Quran ialah subjek yang memerlukan pelajar menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun persekolahan di sekolah menengah, bermula daripada Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5, di bawah bimbingan guru tahfiz berdasarkan sukatan yang ditetapkan pada setiap tahun. Setiap tahun pelajar perlu mencapai sukatan atau *muqarrar* yang telah ditetapkan. Jadual

di bawah menunjukkan pembahagian sukatan hafazan yang perlu dicapai oleh pelajar mengikut tempoh yang ditetapkan.

Jadual 1: Sukatan Hafazan Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Sukatan
Tingkatan 1	6 Juzuk
Tingkatan 2	7 Juzuk
Tingkatan 3	6 Juzuk
Tingkatan 4	7 Juzuk
Tingkatan 5	4 Juzuk

Proses pelaksanaan subjek Hifz al-Quran terkandung aktiviti yang telah disusun seperti berikut:

Tahriri Hafazan

Pelajar menulis ayat-ayat al-Quran hafazan baharu dalam buku yang disediakan bagi persediaan *tasmik*

Hafazan Baharu

Pelajar menghafaz ayat-ayat al-Quran yang akan ditasmik (memperdengarkan hafazan) pada keesokan hari

Tahdhir

Pelajar memperkukuh hafazan ayat-ayat hafazan baharu pelajar di hadapan guru secara individu sebagai persediaan sebelum aktiviti *tasmik*.

Tasmik

Pelajar memperdengarkan ayat-ayat hafazan baharu di hadapan guru secara individu.

Murajaah

Pelajar mengulang semula ayat-ayat yang telah dihafaz pelajar di hadapan guru secara individu.

Fiqh al-Ayat

Pelajar menjelaskan kefahaman ayat-ayat hafazan yang telah dihafaz tadi.

Perjalanan aktiviti *Tahriri Hafazan* dan *Hafazan Baharu* pula bermula pada jam 7.30 malam hingga 9.30 malam. Bimbingan guru tahfiz dengan nisbah seorang guru untuk 30 orang

pelajar (1:30) diperlukan untuk kesemua aktiviti ini. Guru tahfiz perlu memastikan setiap pelajar menulis dan menghafaz ayat-ayat Hafazan Baharu sebanyak satu muka surat sekurang-kurangnya. Guru tahfiz haruslah berperanan sebagai tempat rujukan pelajar untuk memeriksa bacaan secara individu semasa aktiviti Hafazan Baharu dan *Tahriri*.

Cabaran Pelaksanaan TMUA

Bermula pada tahun 2014, pelaksanaan program TMUA sudah masuk tahun ke-9, namun masih wujud isu dan cabaran yang harus diperbaiki dan diatasi. Hasil penelitian kepentingan dan objektif pelaksanaan TMUA, wujud kelemahan dalam mencapai objektif yang digariskan. Isu dan cabaran ini secara tidak langsung telah memberi kesan dalam proses mencapai objektif yang telah ditetapkan KPM (Zulhilmi, et. al, 2018). Oleh itu, permasalahan yang wujud haruslah diperbaiki bersama dalam merealisasikan harapan KPM. Terdapat tiga bahagian cabaran yang dapat diperhatikan iaitu cabaran dari aspek sistem, cabaran dari aspek guru atau tenaga pengajar dan cabaran dari aspek pelajar itu sendiri.

Cabaran dari aspek pelaksanaan kurikulum dalam jadual waktu sekolah adalah masa yang diperuntukkan untuk proses pengajaran dan pembelajaran kurang mencukupi (Mardhiah, 2017; Jamalil et al. 2017). Di samping itu, susunan jadual aktiviti sekolah yang tidak seimbang juga menjadi punca kekangan kepada pelajar dalam menyusun masa dengan baik bagi mencapai sasaran sukatan hafazan yang ditetapkan. Situasi menjadi bertambah rumit apabila tempoh waktu yang diperuntukkan bagi proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) tahfiz semakin berkurangan apabila pelajar berada di peringkat menengah atas (Mardhiah, 2017). Tempoh masa PdPC tahfiz menjadi semakin pendek di menengah atas oleh kerana pertambahan subjek akademik yang bertambah di tingkatan empat dan lima bagi menghadapi SPM.

Cabaran dari aspek guru tahfiz pula ialah, masih wujud dalam kalangan guru yang masih rendah dalam menguasai ilmu dan PdPC (Mardhiah, 2017; Jamalil, 2017; Zulhilmi et. al. 2018). Oleh yang demikian, mereka mengajar berdasarkan pengalaman terdahulu yang konvensional dan agak membosankan kerana menggunakan kaedah pengajaran yang lama. Ketiadaan modul pengajaran tahfiz yang standard sebagai garis panduan untuk diguna pakai dalam proses PdPC juga menjadi punca kepada hal ini.

Cabaran dari aspek pelajar pula adalah masih terdapat sebahagian pelajar yang tidak dapat mampu mencapai hafazan yang ditetapkan mengikut masa yang telah dijadualkan (Mardhiah, 2017; Hafiz et. al. 2018; Jamalil, 2017; Norlizah et al. 2015). Tahap pencapaian hafazan pelajar dalam subjek Hifz al- Quran masih kurang memuaskan. Data mencatatkan hampir 60% daripada pelajar tidak dapat mengkhataamkan hafazan al-Quran dalam tempoh masa yang telah ditetapkan KPM (Siti Musliza et al. 2016). Kajiannya di tiga buah sekolah Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab merekodkan terdapat hanya 307 orang pelajar daripada keseluruhan 509 orang pelajar yang berjaya mengkhataamkan hafazan mereka (Mardhiah, 2017).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan carian sistematik menggunakan kata kunci sebagai prinsip kajian yang digunakan oleh penyelidik moden. Dalam kajian ini, kata kunci hafazan al- Quran, ulul albab,

tahfiz, digunakan untuk mendapatkan data kajian. Carian artikel menggunakan pangkalan data *Google Scholar*, *Researchgate* dan *e-journal*. Isu-isu pengajaran al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz di Malaysia menjadi kriteria utama dalam analisis kajian ini.

Kajian dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif bersifat deskriptif untuk mendapatkan tahap pencapaian hafazan pelajar di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar (SISMe). Pengkaji juga mengaplikasikan kaedah kajian tinjauan melalui temu bual terhadap 5 orang pelajar Tahfiz Model Ulul Albab daripada Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar, Melaka. Setiap seorang pelajar mewakili tingkatan masing-masing, bermaksud seorang responden daripada pelajar Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5 mewakili keseluruhan pelajar setiap tingkatan.

Demografi Kajian

Demografi Kajian Berdasarkan Tingkatan

Jadual 2: Demografi Kajian Berdasarkan Tingkatan

Bil	Tingkatan	Bilangan Pelajar
1	Tingkatan 1	111 pelajar
2	Tingkatan 2	120 pelajar
3	Tingkatan 3	98 pelajar
4	Tingkatan 4	114 pelajar
5	Tingkatan 5	105 pelajar
	Jumlah	548 pelajar

Sumber: Laporan Data Hafazan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar Melaka

Kajian dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif bersifat deskriptif untuk mendapatkan tahap pencapaian hafazan pelajar di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar (SISMe). Kajian ini akan menjelaskan tahap pencapaian hafazan pelajar mengikut tingkatan. Populasi kajian adalah pelajar TMUA sekolah menengah KPM. Ini adalah kerana populasi kajian yang besar, maka teknik pensampelan digunakan bagi mewakili populasi subjek kajian. Teknik pensampelan dapat membantu dalam menentukan rangka pensampelan dan seterusnya dapat mengawal kekangan masa, kewangan dan tenaga yang diperlukan dalam menjalankan dan menyempurnakan kajian (Mohd Majid, 2014).

Zon Selatan mempunyai 3 buah sekolah yang melaksanakan TMUA iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Namun, kerana faktor kekangan masa, jarak dan kewangan, pengkaji memilih negeri Melaka untuk menjalankan kajian. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar, Melaka merupakan sekolah yang menjalankan program TMUA dan mempunyai pelajar TMUA yang paling ramai di Melaka iaitu seramai 548 pelajar dan mewakili semua tingkatan daripada tingkatan satu sehingga tingkatan lima bagi tahun 2022. Justeru pengkaji memilih sekolah ini sebagai lokasi kajian.

Seterusnya, bagi teknik pengumpulan data, pengkaji mengambil sumber data hafazan terkini daripada Unit Data Hafazan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar, Melaka. Untuk melihat tahap pencapaian pelajar, pengkaji menggunakan kaedah peratus untuk tujuan penganalisisan data pencapaian hafazan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan Rajah 1, dapatan kajian ini menunjukkan demografi kajian berdasarkan pencapaian hafazan tingkatan dalam kalangan pelajar Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar Melaka (SISMe). Daripada kajian yang dijalankan, seramai 5 orang responden telah menjawab temu bual yang dijalankan. Setiap seorang responden mewakili setiap tingkatan daripada Tingkatan 1, Tingkatan 2, Tingkatan 3, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Kajian menunjukkan bahawa daripada keseluruhan pelajar Tingkatan 1 yang berjumlah 111 orang, hanya 46 pelajar yang berjaya mencapai sukatan hafazan yang ditetapkan, manakala baki 65 orang pelajar gagal mencapai sukatan hafazan yang ditetapkan. Ini bermaksud hanya 41.44% daripada pelajar yang mampu mencapai sukatan hafazan semasa berbanding 58.56% pelajar tidak mampu mencapai sukatan hafazan. Kesimpulannya, sebahagian besar pelajar Tingkatan 1 masih gagal mengikuti sukatan semasa yang ditetapkan pihak sekolah dan KPM.

Kajian juga menunjukkan bahawa daripada keseluruhan pelajar Tingkatan 2 yang berjumlah 120 orang pelajar, data hafazan menunjukkan hanya 50 orang pelajar Tingkatan 2 yang berjaya mengikuti sukatan hafazan semasa. Manakala, baki 70 orang pelajar masih belum mencapai tahap sukatan hafazan yang ditetapkan. Ini bermaksud daripada keseluruhan 120 orang pelajar Tingkatan 2, hanya 41.66% pelajar yang telah mencapai sukatan hafazan semasa sedangkan baki 58.34% masih gagal mencapai sukatan yang ditetapkan.

Bagi pelajar Tingkatan 3 pula, kajian menunjukkan daripada keseluruhan 98 pelajar Tingkatan 3, 56 orang pelajar berjaya mencapai sukatan hafazan semasa. Manakala 42 orang pelajar masih belum mencapai sukatan hafazan yang ditetapkan. Peningkatan peratus pelajar yang mencapai sukatan hafazan dapat dilihat bermula di Tingkatan 3. Data mencatatkan 57.14% pelajar Tingkatan 3 telah berjaya mencapai sukatan hafazan berbanding baki 42.86% pelajar Tingkatan 3 yang masih belum mencapai sukatan hafazan yang ditetapkan.

Data hafazan bagi pelajar Tingkatan 4 pula menunjukkan peningkatan ketara dalam jumlah bilangan pelajar yang mencapai sukatan hafazan. Rekod data hafazan menunjukkan, daripada keseluruhan 114 orang pelajar, 84 orang pelajar telah berjaya mencapai sukatan hafazan yang ditetapkan KPM. Baki 30 orang pelajar pula masih belum mencapai sukatan hafazan yang ditetapkan. Ini bermaksud sebahagian besar iaitu 73.68% pelajar Tingkatan 4 telah berjaya mencapai sukatan hafazan semasa, hanya berbaki 26.32% pelajar yang masih belum mencapai sukatan hafazan yang ditetapkan KPM.

Seterusnya, data hafazan bagi pelajar Tingkatan 5 pula menunjukkan peningkatan yang lebih baik berbanding pelajar Tingkatan 4. Seramai 90 orang pelajar Tingkatan 5 telah mencapai sukatan hafazan semasa yang ditetapkan berbanding hanya 15 orang pelajar Tingkatan 5 yang masih belum mencapai sukatan hafazan yang ditetapkan. Ini bermakna peratusan pelajar yang mencapai sukatan hafazan bagi pelajar Tingkatan 5 adalah 85.71%. Manakala sebilangan kecil 14.29% pelajar Tingkatan 5 masih belum mencapai sukatan hafazan yang ditetapkan KPM.



Rajah 1: Demografi Kajian Berdasarkan Pencapaian Hafazan Tingkatan

Sumber: Laporan Data Hafazan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar Melaka

Hasil Tinjauan

Pengkaji memilih kaedah kajian tinjauan melalui temu bual bersama 5 orang pelajar Tahfiz Model Ulul Albab daripada Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar, Melaka. Setiap seorang pelajar mewakili tingkatan masing-masing, bermaksud seorang responden daripada pelajar Tingkatan 1 mewakili keseluruhan pelajar Tingkatan. Begitu juga seorang responden daripada pelajar Tingkatan 2 mewakili keseluruhan pelajar Tingkatan 2, seorang responden daripada Tingkatan 3, 4 dan 5.

Berikut merupakan soalan temu bual yang diajukan kepada 5 orang responden:

1. Apakah yang anda faham tentang program Tahfiz Model Ulul Albab?
2. Huraikan 5 cabaran dalam menghafaz al-Quran.
3. Huraikan 5 cadangan / penambahbaikan dalam usaha meningkatkan pencapaian hafazan al-Quran pelajar.

Jawapan responden juga dinyatakan di sini untuk rujukan kajian.

Soalan 1: Apakah yang anda faham tentang program Tahfiz Model Ulul Albab?

Responden 1:

“Program Tahfiz Model Ulul Albab merupakan program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum tahun 2015 lagi. Pada asalnya Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) diperkenalkan untuk Sekolah Menengah Agama sahaja namun pada tahun 2014 ia diperkenalkan untuk Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Sekarang di Malaysia ada 4 buah sekolah SBP mengambil program TMUA. Program TMUA dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai al-Quran di dada seterusnya mahir dalam ilmu sains. Contohnya doktor yang menghafal al-Quran atau jurutera yang menghafal al-Quran. Maksud Ulul Albab sendiri merujuk kepada orang yang berfikir iaitu orang yang mempunyai ilmu duniawi dan ukhrawi. Ini sedikit sebanyak melahirkan golongan yang berilmu yang berlandaskan al-Quran sebagai panduan hidup untuk mengimbangi kedua-dua kriteria ini. Program TMUA berlandaskan 3 perkara iaitu Quranik, Ijtihadik, dan Ensiklopedik. TMUA menyediakan 2 subjek untuk sijil SPM iaitu *Hifz al-Quran* dan *Maharat Al-Quran*”

Responden 2:

“Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan program Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah-sekolah yang terpilih. Inisiatif ini telah diambil oleh kerajaan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang menghafaz al-Quran serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Ulul Albab yang memberikan makna orang yang berfikir telah melambangkan program ini mampu menjadikan pelajar-pelajar yang cemerlang selaras dengan al-Quran dan sunnah. Pelajar-pelajar turut mengikuti subjek akademik seperti biasa. Sehubungan itu, pelajar yang mengikuti program ini mempunyai masa depan yang cerah kerana mahir dalam bidang akademik serta mempunyai al-Quran di dada pada masa yang sama. Hal ini boleh menjadi perintis kepada generasi-generasi negara yang akan datang”.

Responden 3:

“Program Tahfiz Model Ulul Albab ini merupakan satu program yang dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan generasi hafiz al-Quran yang berjaya dan berilmu. Setiap perkataan itu membawa makna yang positif dalam diri mahupun masyarakat Tahfiz bermaksud orang yang memelihara al-Quran iaitu Kalam Allah. Ulul Albab pula bermaksud orang yang berakal, berfikir. Jelaslah disini bahawa matlamat dan misi program ini ialah menghafal dan memelihara al-Quran dan menjadikan insan tersebut berjaya di dunia dan di akhirat”

Responden 4:

“Tahfiz Model Ulul Albab ialah satu program yang menginginkan pelajar-pelajar menghafal al-Quran dan menyeimbangkan akademik mereka. Dan kita dapat belajar ilmu *Maharat al-Quran*, kita dapat mempelajari adab, tajwid, cara menghafal dan sebagainya”.

Responden 5:

“Tahfiz Model Ulul Albab bagi pendapat saya ialah program di mana program ini ingin melahirkan pelajar –pelajar yang hafiz al-Quran setaraf dengan akademik mereka”.

Soalan 2: Huraikan 5 cabaran dalam menghafaz al-Quran.

Responden 1:

“5 cabaran menghafaz al-Quran ialah pengorbanan masa. Contohnya banyak masa yang diperuntukkan untuk menghafal al-Quran iaitu selepas subuh dan selepas Maghrib. Yang kedua ialah pengorbanan tenaga kerana perlu bangun awal untuk menghafal seperti sebelum subuh. Yang ketiga ialah wang ringgit. Contohnya program Intensif hafazan al-Quran (I-HAQ) memerlukan kos tambahan untuk menghabiskan sukatan hafazan sekiranya ketinggalan. Yang keempat ialah fokus kerana apabila banyak masa yang diperuntukkan untuk menghafal, mudah untuk berasa mengantuk dan leka. Yang terakhir sekali, mendapatkan cara tersendiri untuk menghafal. Cara untuk menghafal sangat penting kerana dengan kaedah yang betul dapatlah tasmik dan *murajaah* dengan konsisten setiap hari”.

Responden 2:

“Pengaruh rakan kerana berbual atau membuang masa semasa tempoh menghafal. Cara menghafal yang kurang berkesan menyebabkan jangka masa yang lama. Mengambil jangka masa yang agak lama. Motivasi lemah seperti tidak mempunyai matlamat yang tepat. Pengorbanan tenaga kerana memerlukan konsistensi dalam menghafal”.

Responden 3:

“Pengaruh rakan-rakan yang negatif. Letih dan merasa mengantuk kerana jadual yang padat atau kurang masa untuk berehat. Rasa cepat berputus asa apabila kawan-kawan telah jauh meninggalkan kita. Cara menghafal yang salah atau tidak sesuai menjadikan kita susah nak menghafal. Kurang masa menghafal kerana dilebihkan dengan akademik. Purata masa menghafal dalam sehari hanya 3 jam manakala purata masa subjek akademik pula ialah 6 jam”.

Responden 4:

“Kadang-kadang susah menghafal, kadang-kadang senang. Rasa malas. Rasa mengantuk. Rasa kadang-kadang susah nak bahagikan mengaji dengan kerja rumah. Kadang hilang rasa semangat”

Responden 5:

“Kekurangan masa . Tidak fokus. *Stres* dengan kerja sekolah. waktu Jadual yang padat. Tempat menghafaz tidak disukai pelajar”

Soalan 3: Huraikan 5 cadangan / penambahbaikan dalam usaha meningkatkan pencapaian hafazan al-Quran pelajar.

Responden 1:

“5 cadangan dalam usaha meningkatkan pencapaian hafazan al-Quran pelajar ialah dengan memperkasakan program I-HAQ. Ia perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya seminggu atau lebih. Ia tidak boleh diperuntukkan dengan masa yang singkat kerana pelajar perlu membina momentum hafazan untuk tasmik dengan banyak. Selain itu, suasana juga penting kerana dengan suasana menghafal, ia dapat menggalakkan pelajar menghafal dengan lebih tekun dan

fokus. Cadangan yang ketiga ialah mengadakan program Rehlah Minda untuk pelajar yang sudah menghabiskan 30 juzuk al-Quran dan telah menghabiskan silibus tingkatan semasa. Ini bertujuan untuk memberikan ganjaran kepada mereka dan seterusnya membakar semangat pelajar yang lain untuk menghabiskan sukatan hafazan untuk menyertai program ini pada masa hadapan. Cadangan yang keempat ialah meletakkan kedudukan hafazan semasa untuk setiap bulan. Ini bagi membakar semangat pelajar untuk meningkatkan hafazan dan untuk mengenal pasti pelajar yang lemah dalam hafazan untuk dibantu. Akhir sekali, ia akan membuat pelajar sentiasa konsisten dalam menghafal. Akhir sekali, memperkasakan murajaah. Murajaah sangat penting kerana ia akan digunakan untuk menghadapi peperiksaan dan ujian Hifz al-Quran. Antara penambahbaikan yang boleh dilaksanakan ialah melebihi masa murajaah daripada hafazan baru. Hal ini membuatkan hafazan baru akan menjadi lebih mudah untuk dihafal sekiranya hafalan lama masih diingat. Ini akan menajamkan daya ingatan seterusnya memudahkan hafazan baru kerana mengetahui cara untuk mengulang dengan lancar dan akan membuat hafalan baru juga lancar”.

Responden 2:

“Melaksanakan aktiviti murajaah bersama rakan pada masa yang khas. Mencipta tempat khas yang lebih kondusif untuk menghafal. Mencipta satu sistem di mana dua pelajar akan dipasangkan ‘pair up’ sejak mula proses menghafal bagi memberikan motivasi dan dorongan pada bila-bila masa sehingga mencapai matlamat mengkhatamkan al-Quran. Memperkasakan ‘*ranking* hafazan’ bagi memberikan semangat kepada pelajar. Memanggil pelajar yang telah berjaya menghafaz bagi memberikan tips yang berguna”.

Responden 3:

“Meningkatkan masa hafazan atau *balance*. Pelajar jangan pula tidur. Satu hari *tasmik* sekurang-kurangnya 1 muka surat setengah. Berzikir dengan ikhlas dan sentiasa memohon ampun kepada Allah. Bersihkan hati. Sentiasa murajaah dan memperbaiki hafazan. Biar lambat asal ayat tersebut tersemat di dalam hati. Motivasi daripada rakan-rakan penting seperti berkongsi untuk menghafal al-Quran dengan efektif”.

Responden 4:

“Ustaz perlu membuat kelas pada waktu cuti. Sentiasa memperingati dan menasihati pelajar-pelajar. memastikan pelajar-pelajar *tasmik*. Memastikan pelajar-pelajar berase semangat. Mencari jalan untuk menarik minat pelajar-pelajar kepada al-Quran”

Responden 5:

“Kurangkan kerja sekolah. Longgarkan jadual waktu. Banyak program cara menghafal dan cara mengurangkan stres. Tempat hafalan pelajar menghafaz mestilah selesa. Ustaz yang mengajar perlu memberikan motivasi kepada pelajar”.

Perbincangan Kajian

Hasil kajian mendapati 326 orang pelajar daripada keseluruhan 548 orang pelajar iaitu bersamaan 59.48% pelajar telah berjaya mencapai sukatan hafazan yang ditetapkan oleh pihak

sekolah dan KPM. Manakala baki 222 orang pelajar daripada keseluruhan 548 orang pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan, iaitu bersamaan 40.52% pelajar masih belum mencapai sukatan hafazan semasa. Berdasarkan Rajah 1, pengkaji dapat melihat peningkatan pencapaian sukatan hafazan yang semakin baik seiring dengan meningkatnya tingkatan. Hal ini adalah kerana pelajar memerlukan masa dan pengalaman untuk meningkatkan potensi hafazan mereka. Pengalaman menghafaz yang dilalui bermula daripada Tingkatan 1 membantu pelajar semakin mahir dalam menghafaz begitu juga dalam menguruskan jadual waktu menghafaz. Pelajar Tingkatan 2 menunjukkan pencapaian hafazan yang lebih baik berbanding pelajar Tingkatan 1 dengan peratusan yang mencapai sukatan hafazan 41.66% pelajar. Peningkatan tahap pencapaian juga ditunjukkan oleh pelajar Tingkatan 3 dengan peratusan 57.14% pelajar berjaya mencapai sukatan. Seterusnya pelajar Tingkatan 4 mencatatkan peningkatan memberangsangkan dengan peratusan yang mencapai sukatan hafazan sebanyak 73.68%, diikuti oleh pelajar Tingkatan 5 yang merekodkan 85.71% pelajar berjaya mencapai sukatan hafazan.

Hasil tinjauan pengkaji melalui temu bual yang dijalankan ke atas 5 responden yang mana mewakili setiap tingkatan, pengkaji mendapati responden secara umumnya mengetahui dan memahami berkenaan perjalanan program TMUA. Responden faham bahawa program ini memerlukan pelajar untuk menghafaz 30 juzuk al-Quran dan dalam masa yang sama mencapai kecemerlangan dalam subjek akademik yang lain. Responden 1 pula dapat menyatakan sejarah program TMUA yang bermula sejak 2014 serta dapat menyebutkan dengan jelas 3 konsep asas yang diterapkan di dalam program TMUA iaitu Quranik, Ijtihadik, dan Ensiklopedik.

Berdasarkan soalan kedua di dalam temu bual ke atas kesemua responden, pengkaji juga mendapati banyak cabaran dalam menghafaz al-Quran yang dikemukakan oleh responden secara jujur. Antaranya ialah cabaran masa dalam menghafaz al-Quran yang mana umum mengetahui menghafaz al-Quran memerlukan peruntukan masa yang panjang bergantung kepada kemampuan menghafaz pelajar masing-masing. Cabaran fokus dan tenaga juga menjadi isu utama dalam menghafaz al-Quran. Masa yang panjang dalam menghafaz, ditambah dengan jadual waktu yang padat semestinya mengakibatkan kepenatan, mengantuk dan hilang fokus. Selain itu, antara cabaran lain yang dinyatakan oleh responden adalah cabaran kemahiran menghafaz. Responden menyatakan bahawa mereka memerlukan pendedahan dan bimbingan dalam mengaplikasikan kaedah menghafaz yang sesuai. Di samping itu, pengaruh negatif rakan sebaya juga menjadi cabaran utama bagi responden, terutamanya bagi pelajar yang tinggal di asrama. Rakan-rakan yang tidak fokus ketika waktu menghafaz, sering berbual, tidur lewat malam memberi kesan secara tidak langsung kepada kawan-kawan yang lain. Cabaran dalam menguruskan jadual waktu yang padat juga dinyatakan oleh responden.

Antara cadangan yang dinyatakan oleh responden dalam usaha meningkatkan pencapaian hafazan pelajar adalah memperkasakan lagi program Intensif Hafazan al-Quran (I-HAQ). Tempoh program yang lebih panjang dapat memberi peluang kepada pelajar untuk lebih banyak menghafaz dan menghabiskan sukatan hafazan semasa. Terdapat juga cadangan mewujudkan program *Rehlah Minda* bagi pelajar yang telah menghabiskan hafazan 30 juzuk sebagai pendorong kepada mereka dalam menamatkan hafazan. Responden juga mencadangkan penambahbaikan *murajaah* agar pelajar lebih bersedia dalam menghadapi ujian hafazan. Responden juga untuk menambahkan lagi tempoh masa hafazan. Dorongan dan motivasi yang berpanjangan daripada guru juga sangat diperlukan.

KESIMPULAN

Kejayaan pelaksanaan program Tahfiz Model Ulul Albab ini bergantung kepada kesungguhan semua pihak terutamanya pihak sekolah dan guru. Kemampuan menghafaz pelajar yang berbeza-beza amat memerlukan bimbingan dan dorongan daripada guru-guru yang berpengalaman. Oleh itu, proses penambahbaikan daripada semua pihak perlu dilaksanakan sama ada dari pihak pentadbir sekolah, guru, pelajar atau ibu bapa. Dari sudut guru, hendaklah melengkapkan diri dengan kemahiran yang pelbagai, termasuklah ilmu berkaitan pedagogi dalam pengajaran. Ilmu berkaitan psikologi pendidikan juga perlu diketahui oleh guru untuk mengenal pasti potensi dan kemampuan pelajar, serta guru dapat menentukan kaedah pengajaran berkesan yang sesuai. Hubungan baik antara guru, pelajar dan ibu bapa pasti akan memberi kesan positif dalam memotivasikan pelajar agar mereka terus bersemangat untuk menjaga al-Quran. Sokongan moral dan keprihatinan ibubapa mampu mengekalkan semangat pelajar, meningkatkan pencapaian pelajar secara tidak langsung. Oleh yang demikian, kajian ini telah menjelaskan sedikit sebanyak berkenaan pelaksanaan dan pencapaian hafazan pelajar TMUA di samping menjelaskan cabaran yang dihadapi dan cadangan penambahbaikan. Justeru, kajian lanjut diperlukan bagi menyelesaikan sebarang kekangan yang dihadapi agar program ini berjaya mencapai objektif pelaksanaannya.

RUJUKAN

- Habibah Mat Rejab. 2018. Pelaporan Dan Pensijilan Tahfiz Di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Mulai Tahun 2017. In Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad. *Ke Arah Pengiktirafan Huffaz Di Malaysia*. 23-37. Selangor: Centre Of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya Darul Quran JAKIM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. Surat pekeliling ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 1 tahun 2016: Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mardhiah Binti Yahaya. 2017. Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains Mara. Tesis Sarjana. Universiti Penyelidikan Sultan Idris.
- Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, & Yusof, N. H. 2017. Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 19(Julai): 55-65.
- Mohd Majid Konting. 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Hafiz Saleh, Zawawi Ismail, & Zaharah Hussin. 2018. Model Penilaian Program Tahfiz Al-Quran Di Nusantara Berdasarkan Model Penilaian Provus (Discrepancy Evaluation Model). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 1(2): 64-75.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd Isha Awang. 2018. Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education*. 4-5 November 2018. Grand Riverview Hotel, Kota Bharu Kelantan, hlm. 321-329.

- Norlizah Che Hassan, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Lukman Abd Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar. 2015. Tahfiz Schools Entry Requirement and Characteristics of Tahfiz Students. *IJAEDU- International E-Journal of Advances in Education* 1(3): 234–241.
- Rohaizan Baru, Zulkifli A. Manaf, Abdul Hakim Abdullah, & Syed Mohamad Azmi Syed Ab. Rahman. 2014. Showcasing Educational System Using the Philosophy of Ulul Albab. *Swiss Journal of Research in Business and Social Science* 1(1):1-10.